

# VOGUE COLLECTION

DI SEDIAKAN UNTUK :

PUAN NURJALILAH ABDULLAH  
TUTOR ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :

- |    |                       |          |
|----|-----------------------|----------|
| 1. | MARINA OM SHAROM      | 96961054 |
| 2. | NORMARIZAN ZULKALPELY | 96137725 |
|    | MARINI MOHMED AZHARI  | 96355851 |
|    | ROHAIDA TAN           | 96960886 |
|    | HASNIDA YUSOP         | 96519581 |



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN MELAKA**  
**MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh: 29hb. Disember 1998  
Surat Tuan:  
Surat Kain: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

**KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Hasnida bt. Yusop	96519581
2.	Marina Om bt. Sharom	96961054
3.	Marini bt. Mohamed Azhari	96355851
4.	Normarizan bt. Zulkalpely	96137725
5.	Rohaida bt. Tan	96960886

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ. OSMAN  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

**VOGUE COLLECTION**

Diploma Pengurusan Perniagaan 5A  
I.T.M. Cawangan Melaka  
KM 26, Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

14hb April 1999

Puan Nurjalilah Binti Abdullah  
Pensyarah E.T.R.  
I.T.M. Cawangan Melaka  
KM 26, Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Puan,

**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Merujuk kepada perkara di atas , kami dari kumpulan Perniagaan Skarf dan Aksesori, dengan ini mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan bagi memenuhi kehendak matapelajaran Keusahawanan ETR 300.

2. Kami berharap dengan penghasilan RP ini akan membawa kebaikan bagi pihak kami dan juga pihak puan.
3. Akhir kata, kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dari pihak puan.

**"KUALITI TERAS KEJAYAAN"**

Yang benar,

MARINA OM SHAROM  
PENGURUS BESAR

NORMARIZAN ZULKALPELY  
PEGAWAI PENTADBIRAN

## 1.0 PENGENALAN

Perniagaan kami diberi nama **VOGUE COLLECTION** yang terdiri daripada lima orang yang bertindak sebagai rakan kongsi. Perniagaan kami menumpukan perhatian kepada penjualan pelbagai jenis kain tudung dan aksesori terkini yang mendapat tempat di kalangan wanita zaman sekarang.

Kami menjual kain-kain tudung yang diimpot khas dari Turki. Kami mendapatkan kain-kain tudung ini daripada pengedar ( berbangsa Turki ) iaitu Turkish Store. Kain-kain tudung yang kami jual ini berkualiti tinggi dan terdiri daripada pelbagai jenis seperti shifon crepe, sutera, shifon batik, selendang polyster, jakuar, cdc dsbnya. Jenis -jenis kain tudung yang kami jual mempunyai tiga saiz iaitu besar berukuran 1.4 meter, sederhana (saiz normal ) berukuran 1.2 meter dan kecil berukuran 1 meter. Selain itu, kami juga adalah rakan niaga kepada D'or fesyen iaitu perniagaan menjual aksesori wanita seperti kerongsang dan pin tudung. Kerongsang - kerongsang dan pin-pin tudung yang kami jual ini juga terdiri daripada pelbagai jenis seperti mahligai, mutiara, mahsuri, lagenda, manja, mustika dan gemilang. Lebih menarik lagi, kami juga ada menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti khidmat selepas jualan dan khidmat rundingan seperti nasihat tentang kesesuaian pemakaian tudung untuk majlis-majlis tertentu, padanan tudung dengan jenis pakaian, cara basuhan dan penjagaan tudung, dan kesesuaian aksesori dengan pakaian.

Kedai kami terletak di Kompleks membeli-belah Jaya Jusco Alpha Angle, Lot E 27, Jalan R1, Seksyen 1, Bandar Baru, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur. Lokasi yang kami pilih adalah strategik memandangkan kompleks ini terletak di kawasan yang mempunyai kadar bilangan penduduk Melayu ( Islam ) yang agak ramai berbanding kaum-kaum lain. Selain itu, kompleks membeli belah ini juga terletak di tengah-tengah antara kawasan-kawasan dari Setiawangsa dan Mindef dan Wangsa Maju dan Taman Melawati, di mana ia menjadi tumpuan penduduk-penduduk di situ.

Kami akan memulakan perniagaan kami pada 2/01/2003. Kami memilih jenis perniagaan ini adalah kerana permintaan yang meningkat terhadap kain tudung yang berkualiti tinggi dan yang bersaiz besar, sederhana atau kecil ( mengikut citarasa masa kini ). Antara faktor-faktor lain ialah ia memenuhi kehendak Islam yang mewajibkan

kaum Muslimin bertudung dan dengan itu kami menyediakan pelbagai jenis kain tudung untuk wanita Muslimin amnya. Selain itu, kami juga memberi alternatif kepada para pembeli khususnya kaum wanita untuk mempelbagaikan koleksi tudung untuk di sesuaikan dengan fesyen terkini.

Kami percaya dan menjangkakan bahawa perniagaan ini mempunyai potensi daya maju di masa hadapan. Memandangkan jenis perniagaan kami hanyalah satu-satunya yang terdapat di situ, jadi kami bertambah yakin bahawa ia adalah perniagaan yang menguntungkan di samping dapat memenuhi citarasa wanita masa kini.